



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

HARI BERTEMU PELANGGAN

SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tempat Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatuasaan

Wisma Sawit, MPOB Kejariah Jaya

Makmal 9.00 pagi - 12.00 lgh. &

3.00 plg - 4.00 plg.

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref. (I) 04/C/PI 656/2/Ji1.2/2007

30 Januari 2007

Pk (EL) MPOB 01/2007

Semua Pemegang Lesen Kategori Makmal

Tuan

TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI MAKMAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori makmal pada 15 Mac 2005 untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori makmal dikehendaki memiliki sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui pemegang lesen diberi tempoh sehingga 31 Mac 2007 untuk memperolehi pengiktirafan atau pensijilan SAMM.

4. Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menguji kelapa sawit. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2007** yang memperincikan syarat tambahan tersebut.

5. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat tambahan tersebut dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan
Wisma Sawit

Jln 4, 22A, Jalan Padangbanding, 47001 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Pn. Surat 0073, 46701 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-9011-7777 • Faks: 03-9004-0114 • 77001-138 • <http://www.mpoj.gov.my>

KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

 MPOB	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB
--	---

Rujukan Pekeling :Pk (EL) MPOB 01/2007
 Tarikh Kuatkuasa :01 APRIL 2007
 Perkara :TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS
 KATEGORI MAKMAL

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan syarat tambahan ke atas lesen kategori makmal bagi aktiviti menguji kelapa sawit.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 15 Mac 2005, satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori makmal untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori makmal dikehendaki memiliki sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui pemegang lesen diberi tempoh masa selama dua (2) tahun iaitu sebelum 01 April 2007 untuk memperolehi pengiktirafan atau pensijilan SAMM.
- 2.2 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menguji kelapa sawit.

3.0 SYARAT LESEN KHUSUS

- 3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori makmal iaitu bagi aktiviti menguji kelapa sawit sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.
- 3.2 Syarat sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori makmal iaitu bagi aktiviti menguji kelapa sawit adalah masih terpakai dengan tambahan syarat sebagaimana yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-41.
- 3.3 Tambahan syarat lesen khusus adalah seperti berikut:

“ Pemegang lesen hendaklah memperolehi pengiktirafan atau pensijilan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dalam bidang analisis keluaran kelapa sawit bagi parameter-parameter yang terdapat dalam kontrak perdagangan tempatan atau antarabangsa yang dilaporkan dalam laporan pengujiannya”.

JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
 Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2007 [Pk (EL) MPOB 01/2007] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori makmal.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 01 April 2007.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Dr Mohd Basri Wahid".

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: *17 Januari 2007*

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>